



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

KARNIVAL SEMARAK KASIH MERDEKA PTPTN JULUNG KALI DIANJURKAN SEMPENA HARI KEBANGSAAN

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah melancarkan Karnival Semarak Kasih Merdeka PTPTN pada hari ini. Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN bertempat di Dewan Koperasi Sungai Gelugor, Pulau Pinang. Turut hadir, Yang Berhormat Cik Connie Tan Hooi Peng, ADUN Seri Delima dan YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN.
2. Penganjuran Karnival Semarak Kasih Merdeka PTPTN diadakan secara *on-ground event* merupakan salah satu program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) PTPTN bertujuan menghayati dan meraikan Bulan Kebangsaan. Melalui karnival ini PTPTN menerapkan nilai kemerdekaan melalui kebebasan kewangan dalam kalangan masyarakat dengan perancangan kewangan yang baik dan merdeka daripada hutang.
3. Sebagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), PTPTN telah menyediakan instrumen simpanan terbaik bagi menggalakkan masyarakat membuat penabungan dari usia sehari untuk masa depan pendidikan tinggi anak-anak melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional (Simpan SSPN).
4. Simpan SSPN menawarkan pelbagai keistimewaan seperti pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, dividen yang kompetitif, simpanan dijamin kerajaan dan patuh syariah.
5. Sempena karnival ini, pelbagai aktiviti disediakan untuk disertai oleh ibu bapa dan anak-anak terutamanya dalam meningkatkan kesedaran penabungan. Antaranya Pertandingan Mewarna Merdeka x Simpan SSPN, Pertandingan *Puzzle* Simpan SSPN, Pertandingan Pakaian Beragam dan banyak lagi. Selain itu, PTPTN turut mengadakan *pocket talk* tentang kebebasan kewangan serta acara sukan rakyat yang bertujuan mengeratkan hubungan dan mendekati masyarakat setempat.

6. Karnival ini turut dimeriahkan dengan kerjasama rakan strategik melalui pembukaan *booth* promosi dan jualan seperti Jualan Agro Madani dari Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Pulau Pinang, KPJ Penang Specialist Hospital, Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) Negeri Pulau Pinang, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bayan Baru, Women Institution, ERAvengers, Pertubuhan Alumni Mahasiswa Pulau Pinang (AMPP) dan Pertubuhan Sejahtera Anak Malaysia (PERSAMA).

7. PTPTN juga tidak pernah melupakan golongan yang kurang bernasib baik dan sentiasa menyantuni golongan asnaf dengan memberikan sumbangan bakul makanan berupa barangan keperluan harian kepada 30 orang penerima. Acara kemuncak program adalah Kayuhan Semarak Kasih Merdeka PTPTN 2023 iaitu aktiviti kayuhan basikal secara berkumpulan sambil mengibarkan bendera Malaysia dan agihan sumbangan bakul makanan dari rumah ke rumah.

8. Datuk Norliza Abdul Rahim berkata, “Selari tema Hari Kebangsaan ‘Malaysia MADANI: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan’, penglibatan masyarakat setempat dalam Karnival Semarak Kasih Merdeka PTPTN 2023 Negeri Pulau Pinang pada hari ini merupakan simbolik kepada rasa kasih dan cinta kita kepada negara. Saya berharap karnival ini dapat menjadi platform bagi mengukuhkan lagi keharmonian dalam kalangan masyarakat sekali gus meningkatkan imej positif PTPTN di mata masyarakat.”

9. “Kemerdekaan sewajarnya difahami bukan hanya bebas daripada dijajah. Kemerdekaan sebenar merupakan perjuangan masyarakat untuk menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik, memiliki kekuatan jati diri dan semangat cintakan negara. Kemerdekaan juga membawa mesej tentang kepentingan masyarakat mempunyai perancangan kewangan yang baik untuk bebas merdeka daripada bebanan hutang,” tambah Datuk Norliza.